

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN

TARIKH: 29 OKTOBER 2014

SOALAN:

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah wujud satu sistem kuota yang dikenakan kepada majikan di mana-mana sektor untuk mempergunakan khidmat pekerja asing terutama dalam sektor perkhidmatan seperti stesen minyak, kedai-kedai 24 jam, kawalan keselamatan dan lain-lain.

PR-1323-L65264

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kerajaan membenarkan penggajian pekerja asing kepada enam (6) sektor sahaja iaitu sektor pembinaan, pertanian, perladangan, perkilangan dan perkhidmatan (sub sektor tukang masak restoran, pekerja pembersihan, pencucian dan pekerja resort pulau peranginan, kedi, hotel (back of the house), spa dan refleksologi) yang melibatkan jawatan pekerja tidak mahir dan pekhidmat domestik.

2. Pengisian jawatan bagi sektor-sektor tersebut dibuat selaras dengan nisbah pekerja asing terhadap pekerja tempatan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan berdasarkan keperluan sebenar pekerja dalam sesebuah sub sektor yang berkaitan. Pada masa ini sub sektor-sub sektor seperti stesen minyak, kedai-kedai 24 jam dan kawalan keselamatan telah dibekukan dan tidak dibuka kepada penggajian pekerja asing. Ini berikutan jawatan-jawatan tersebut masih mendapat sambutan daripada pencari kerja tempatan khususnya pesara (bekas pegawai tentera dan polis bagi kawalan keselamatan) serta lepasan SPM dan STPM untuk bekerja secara separa masa di stesen minyak dan kedai 24 jam.

3. Jika masih ada pekerja asing yang bekerja di premis-premis tersebut, kemungkinan ianya adalah kelulusan terdahulu atau penggajian melalui syarikat *outsourcing* yang dibenarkan. Sekiranya, penggajian tersebut adalah selain daripada proses dan prosedur ditetapkan, maka ia adalah salah dari segi perundangan negara.